

NO. SOALAN: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 24 MEI 2016

RUJUKAN : 9031

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sebab Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salahlaku Polis (IPCMC) belum ditubuhkan sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Keperluan penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) tidak lagi timbul kerana kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) bagi menggantikan IPCMC.

SOALAN (23)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 24 MEI 2016
[SELASA]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
[SEKIJANG]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [SEKIJANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah keseluruhan rumah yang telah dan akan disediakan di bawah program Rumah Transit 1Malaysia (RT1M) bagi pasangan baru berkahwin serta adakah Kementerian bercadang meluaskan konsepnya di kawasan pinggiran bandar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melancarkan satu Program Rumah Transit 1Malaysia (RT1M) di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Bukit Jalil, Kuala Lumpur sebanyak 632 unit rumah. Program ini bertujuan untuk membantu menyediakan kemudahan perumahan secara sementara kepada pasangan muda yang telah berkahwin dan berumur 30 tahun ke bawah.

Setakat ini, KPKT merancang untuk memperluaskan program RT1M dengan memberi tumpuan kepada bandar-bandar utama di seluruh negara seperti Johor Bahru, Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur memandangkan kos sara hidup yang tinggi berbanding di kawasan pinggir bandar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR
BIN MUSA [KETEREH]**

TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN : 24

Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [Ketereh] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan keberkesanan SKMM dalam membanteras penyalahgunaan internet sebagai medium penyebaran fitnah dan apakah bentuk kerjasama yang dijalankan dengan agensi berkaitan bagi menangani fitnah siber yang berleluasa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Membanteras Penyalahgunaan Media Sosial yang dipengerusikan oleh YB Menteri Komunikasi dan Multimedia dan dianggotai oleh pihak Kementerian, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Jabatan Peguam Negara (AGC).

SOALAN NO: 24

Jawatankuasa Khas ini ditubuhkan untuk memastikan tindakan tegas diambil terhadap pihak yang menggunakan media sosial dengan tujuan untuk memfitnah, menyebarkan propaganda jahat, menyemai kebencian dan bagi mengelakkan media sosial daripada menjadi saluran yang boleh mencetus kekacauan, meruntuhkan nilai-nilai murni serta mengganggu gugat kesejahteraan rakyat.

Selain daripada itu, jawatankuasa khas tersebut turut berperanan memperkukuhkan koordinasi dan jalinan kerjasama dan perkongsian maklumat antara agensi, termasuklah daripada aspek-aspek teknikal bagi membantu dalam tindakan penguatkuasaan dan siasatan.